

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN IV - PENALTI DAN PERUNTUKAN PELBAGAI YANG BERHUBUNGAN DENGAN AKAD  
NIKAH DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 39. Akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan.**

Mana-mana orang yang mengadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengadnikahkan mana-mana perkahwinan sedangkan dia tidak diberi kuasa di bawah Enakmen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan pemenjaraan itu.

---